

Menteri HEU terima kunjungan hormat



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menerima kunjungan hormat daripada Sheikh Al-Azhar Al-Syarif, Yang Berhormat Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Profesor Dr. Sheikh Ahmed Mohamed Ahmed El-Tayeb dan rombongan (kiri dan kanan).

JERUDONG, Isnin, 7 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menerima kunjungan hormat daripada Sheikh Al-Azhar Al-Syarif, Yang Berhormat Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Profesor Dr. Sheikh Ahmed

Mohamed Ahmed El-Tayeb.

Kunjungan hormat tersebut berlangsung semalam di Bilik Khas, Indera Samudera, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Hadir sama pada Majlis Kunjungan Hormat tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul

Moktai bin Haji Mohd. Daud; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Haji

Pegangan Ahlussunnah Wal Jamaah berteraskan falsafah MIB



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis Ceramah Khas tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman berkata, Negara Brunei Darussalam sangatlah menghargai peranan Al-Azhar Al-Syarif dalam menyebarkan ajaran Islam yang benar, serta memantapkan faamanan *wasathiyah* di dalamnya, juga menjaga kepentingan umat Islam, melindungi ajaran-ajarnya dan menentang apa juga usaha untuk meragui dan merosakannya.

"Kami meyakini bahawa faamanan *wasathiyah* Islam mengikut pegangan Ahlussunnah Wal Jamaah adalah dasar utama bagi sistem pendidikan dan kenegaraan di Negara Brunei Darussalam, di samping ia juga berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja. Oleh kerana itu, kerjasama antara lembaga-lembaga pendidikan yang ada di Negara Brunei Darussalam dengan Universiti Al-Azhar adalah

perkara yang sangat penting dan perlu untuk terus dikukuhkan," jelas Yang Berhormat semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas sempena kunjungan Sheikh Al-Azhar Al-Syarif, Yang Berhormat Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Profesor Dr. Sheikh Ahmed Mohamed Ahmed El-Tayeb ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Fadhilat Al-Imam Al-Akbar, Sheikh Al-Azhar Al-Syarif dalam ceramahnya 'Cabaran Umat Islam Dalam Menghadapi Ancaman Keganasan' memberi perhatian tentang isu keganasan yang berleluasa dewasa ini, kerana ianya sangat signifikan terhadap Islam dan umat Islam.

Yang Berhormat mengenai teori Islamophobia, yang pada tanggapan setengah pihak adalah bersumberkan daripada Al-Quran dan sunnah.

Menurutnya, persepsi ini adalah tidak benar, kerana mangsa utama keganasan adalah di kalangan kaum Muslim, yang mana bilangannya lebih tinggi daripada mangsa kekecohan lain yang berlaku di dunia pada masa ini.

Ceramah Khas tersebut dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajaran Islam (JPI) dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta-duta dan wakil daripada Kedutaan Besar dan Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Rektor UNISSA, Pemangku Ra'es KUPU SB dan Pengarah JPI, Dayang Hajjah binti Haji Moktai selaku Pengurus Bersama majlis.

Sebelum sesi ceramah bermula,



SHEIKH Al-Azhar Al-Syarif, Yang Berhormat Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Profesor Dr. Sheikh Ahmed Mohamed Ahmed El-Tayeb semasa menyampaikan ceramahnya bertajuk 'Cabaran Umat Islam Dalam Menghadapi Ancaman Keganasan'.

bacaan ayat suci Al-Quran disampaikan oleh johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara 2107, Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili.

Antara objektif majlis ini diadakan ialah untuk memberi kefahaman tentang isu-isu keganasan yang mengancam masyarakat dunia, khususnya umat Islam itu sendiri. Majlis ini juga akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa umat Islam itu sendiri memainkan peranan penting dalam menghadapi cabaran keganasan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Perasmian Penubuhan Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar, Kawangan Brunei Darussalam.

Lebih kurang 2,000 orang hadir bagi sama-sama mendengarkan ceramah berkaca, terdiri daripada para pegawai dan kakitangan KHEU, pensyarah dan pelajar UNISSA dan KUPU SB serta orang ramai.



CERAMAH Khas tersebut turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam serta pasukan-pasukan beruniform.